

**PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN KARATE
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025
(LELAKI DAN WANITA)**

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut peraturan **Pertubuhan Persekutuan Karate Sedunia (WKF), Persatuan Karate Malaysia (MAKAF) dan Persatuan Karate Negeri Sabah (SKA)**
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.3.1 Semua kejadian am akan diputuskan berdasarkan kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasas kepada undang-undang Pertubuhan Persekutuan Karate Sedunia (WKF).
- 1.4 Hanya ahli Persatuan Karate Negeri Sabah yang sah keahliannya dan ahli Persatuan Karate yang bergabung secara terus atau dibawah naungan Persekutuan Karate Malaysia (MAKAF) dan berdaftar secara sah dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia dibenarkan bertanding dan mengambil bahagian.
- 1.5 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Karate Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 adalah muktamad.

2.0 TARikh PERTANDINGAN DAN TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 2.1 Taklimat Pengurus Pasukan : **10 Oktober 2025**
- 2.2 Pertandingan ini akan bermula pada **11 hingga 12 Oktober 2025**.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan ini akan didakan di **Dewan Seri Ixoram MRSM Tawau**.

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua penduduk Negeri Sabah dari setiap daerah.
- 4.2 Setiap pasukan daerah boleh mendaftar satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita seperti berikut :

Jawatan	Pasukan Lelaki	Pasukan Wanita
Pengurus Pasukan	1 orang	-
Jurulatih	1 orang	1 orang
Peserta	10 orang	10 orang
Jumlah	12 orang	11 orang

- 4.3 Satu pasukan boleh mendaftar seorang **(1) peserta** sahaja bagi **setiap kelas beratan**.

5.0 KELAYAKAN PESERTA & JURULATIH

- 5.1 Hanya peserta yang lahir di antara tahun **2005 hingga 2010 (Kata)** dan **2005 hingga 2008 (Kumite)** sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan salinan Kad Pengenalan dan gambar berukuran Pasport semasa pendaftaran peserta.
- 5.3 Sebarang pertukaran peserta/atlet atau pindaan/pertukaran kategori perlu mengisi **Borang Y** (pertukaran atlet) dan dihantar kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan sebulan sebelum kejohanan bermula.
- 5.0 Pendaftaran dan kelayakan peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 4.8 dan 4.9**.
- 5.1 **Jurulatih Karate setiap daerah perlu memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kejurulatihan Tahap 1 atau Sijil Sains Sukan Tahap 1.**

6.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta bersama dengan kad pengenalan yang asal untuk disahkan. **Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.**
- 6.3 Selepas taklimat tersebut sebarang permintaan pertukaran nama peserta tidak dibenarkan.

7.0 TIMBANGAN

- 7.1 Setiap peserta semua kelas beratan akan ditimbang setiap hari pertandingan. Berat yang tercatat di penimbangan ketika itu adalah berat seseorang peserta.
- 7.2 Acara timbangan hendaklah selesai dua (2) jam sebelum pertandingan pada setiap hari pertandingan.
- 7.3 Semasa menjalani acara timbangan, peserta-peserta lelaki hendaklah memakai seluar pendek dan peserta wanita memakai baju T dan seluar panjang (sukan).

8.0 PAKAIAN PESERTA

- 8.1 Setiap peserta hendaklah memakai satu pakaian rasmi (seperti dinyatakan dalam Artikel 2 undang-undang WKF).
- 8.2 Para pengadil dan hakim pertandingan mestilah memakai pakaian seragam.
- 8.3 Peserta-peserta hendaklah memakai tanda nombor peserta di atas bahu jaket.
- 8.4 Adalah tidak dibenarkan sama sekali peserta-peserta memakai sebarang pakaian lain, alat-alat tambahan seperti kasut, cermin mata dan sebagainya.
- 8.5 Ketua pengadil berhak melarang mana-mana pegawai atau peserta yang tidak mengikut peraturan.

9.0 ACARA

9.1 Acara yang dipertandingkan:

- 9.1.1 Kata - Individu/Berpasukan
Kumite - Individu/Berpasukan
- 9.1.2 Kategori : Satu (1) kategori hanya seorang peserta

9.2 Acara Lelaki (Lapan (8) acara):

- 9.2.1 Kata Individu lelaki
- 9.2.2 Kata Berpasukan Lelaki
- 9.2.3 Kumite -55 kg
- 9.2.4 Kumite -60 kg
- 9.2.5 Kumite -67 kg
- 9.2.6 Kumite -75 kg
- 9.2.7 Kumite -84 kg
- 9.2.8 Kumite +84 kg
- 9.2.9 Kumite Berpasukan

9.3 Acara Wanita (Lapan (8) acara):

- 9.3.1 Kata Individu Wanita
- 9.3.2 Kata Berpasukan Wanita
- 9.3.3 Kumite -45 kg
- 9.3.4 Kumite -50 kg
- 9.3.5 Kumite -55 kg
- 9.3.6 Kumite -61 kg
- 9.3.7 Kumite -68 kg
- 9.3.8 Kumite +68 kg
- 9.3.9 Kumite Berpasukan

10.0 PENGGUNAAN DADAH

- 10.1 Menggunakan sebarang dadah, alkohol atau ubat perangsang atau suntikan ke dalam bahagian badan, sama ada sebelum atau ketika pertandingan, kepada atau oleh peserta adalah dilarang sama sekali. Setiap peserta yang melanggar undang-undang akan dibatalkan daripada mengambil bahagian.

11.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 11.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut *system repercharge* seperti di peraturan WKF.
- 11.2 Sistem pertandingan adalah berdasarkan kepada undang-undang WKF, MAKAF dan SKA.

12.0 PENGADIL/HAKIM

- 12.1 Jawatankuasa Kecil Teknikal dan Pertandingan akan melantik tambahan pengadil- pengadil yang bertauliah untuk bertugas di sepanjang pertandingan berlangsung.
- 12.2 Keputusan pengadil dalam setiap pertandingan adalah muktamad.

13.0 BANTAHAN DAN RAYUAN

- 13.1 Pelantikan Juri Rayuan dan prosedur atur cara mesyuarat adalah mengikut yang dipakai oleh WKF, Persekutuan Karate Malaysia (MAKAF) dan Persatuan Karate Negeri Sabah (SKA), terdiri daripada:
- 13.1.1 Ketua Teknikal atau wakil,
 - 13.1.2 Pengerusi Pengelola Pertandingan atau wakil,
 - 13.1.3 Ketua Pengadil atau wakil

14.0 JAWATANKUASA TATATERTIB

- 14.1 Jawatankuasa Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan daripada pengadil atau pegawai pertandingan dan membuat keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil berlebihan daripada para 11.1 di atas.
- 14.2 Jawatankuasa ini adalah berhak mendapat maklumat daripada mana-mana maklumat yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat keputusan.

15.0 HADIAH-HADIAH

- 15.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut:

Kategori Lelaki	Emas	Perak	Gangsa
Kata Individu	1	1	2
Kata Berpasukan	1 (3)	1 (3)	2 (6)
Kumite -55 kg	1	1	2
Kumite -60 kg	1	1	2
Kumite -67 kg	1	1	2
Kumite -75 kg	1	1	2
Kumite -84 kg	1	1	2
Kumite +84 kg	1	1	2
Kumite Berpasukan	1 (7)	1 (7)	2 (14)
Jumlah	9 (17)	9 (17)	18 (34)

Kategori Wanita	Emas	Perak	Gangsa
Kata Individu	1	1	2
Kata Berpasukan	1 (3)	1 (3)	2 (6)
Kumite -45 kg	1	1	2
Kumite -50 kg	1	1	2
Kumite -55 kg	1	1	2
Kumite -61 kg	1	1	2
Kumite -68 kg	1	1	2
Kumite +68 kg	1	1	2
Kumite Berpasukan	1 (4)	1 (4)	2 (8)
Jumlah	9 (14)	9 (14)	18 (28)

- 15.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada **Peraturan Tetap 14.3**.